

87 PROJEK SEKOLAH KELANTAN

21 FEB 1977

PASIR MAS, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan sejumlah \$30.4 juta telah diuntukkan bagi kemajuan pelajaran di Negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Katanya, peruntukan itu meliputi pembinaan 87 projek sekolah rendah, 31 sekolah menengah, lima asrama dan sembilan projek rumah guru.

Beliau juga mengumumkan sebuah lagi sekolah menengah sains dan sebuah sekolah menengah vokesyenalan pertanian akan didirikan di negeri ini di bawah rancangan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu demikian ketika berucap merasmikan bangunan tambahan dan mengistiharkan nama kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Othman Talib di sini.

Beliau menyeru para guru dan ibubapa memberi kerjasama sepenuhnya membantu sekolah masing-masing dengan berusaha membentuk budi pekerti, berakhlak dan berdisiplin di kalangan murid-murid dan anak-anak mereka.

Beliau menegaskan kemajuan pelajaran di peringkat sekolah rendah adalah penting kerana ia menjadi asas mencapai kemajuan yang lebih tinggi di kalangan murid-murid.

Beliau kurang senang kerana masih ada lagi murid-murid yang tamat Darjah Enam masih belum tahu menulis, membaca dan mengira.

Kemampuan penting

Dr. Mahathir Mohamad kemudian menjelaskan, kemampuan seseorang untuk menjalankan tugas tidak terletak sepenuhnya dengan sijil dan ijazah yang mereka perolehi.

"Cuma apa yang patut disedari ialah kemampuan seseorang dalam menjalankan sesuatu tugas atau urusan tidak dapat dijamin sepenuhnya oleh sijil dan ijazah itu", kata beliau.

Dr. Mahathir bagaimanapun tidak menafikan seseorang yang memiliki sijil atau ijazah mempunyai kemungkinan besar untuk berjaya dalam menjalankan tugasnya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, walaupun dalam setiap peperiksaan terdapat ramai calon yang gagal, tetapi tidak semestinya mereka juga akan gagal dalam hidup. Begitu juga dengan penuntut yang berjaya tidak bermakna mereka akan terus berjaya dalam hidup di masa depan.

Beliau kemudian menyeru mereka yang gagal supaya menganggap kegagalan itu sebagai satu ujian dan jangan berputus asa, malah berusaha lebih giat dalam apa juga bidang yang sesuai dengan kelayakan dan jiwanya.

Beliau berharap ibubapa dan masyarakat memahaminya hakikat ini supaya sebarang rasa keciwa dapat dielakkan.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran juga menyebut pentingnya semangat bekerjasama sebagai asas bagi mencapai sesuatu matlamat.

Tanpa kerjasama sesuatu perkara itu tidak mudah dilaksanakan dengan jayanya, kata beliau.

"Masaalah-masaalah pelajaran yang dihadapi oleh anak-anak kita banyak boleh diselesaikan melalui rundingan dan kerjasama", katanya.

Beliau kemudian memberitahu, Kementerian Pelajaran memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan yang mengancam kemajuan sesebuah sekolah, seperti salahguna dadah dan ponteng, dan usaha sedang dijalankan untuk menghadapi masaalah-masaalah tersebut.